

Menyingskap nostalgia

MOHD HAZRIZAL
MOHD HANAPIAH

Sekitar tahun 1960-an hingga lewat 1970-an, ketika era kapal laut konvensional menjadi pengangkutan utama, bangunan Wisma Pelaut yang terletak di Jalan Depoh, Pelabuhan Klang begitu meriah sebagai tempat golongan pelaut berkumpul, beriadah dan sebagainya.

Sehinggalah penggunaan kapal kargo moden mula digunakan secara meluas di serata dunia, tempat ini mula kurang dikunjungi golongan pelaut berikutan tempoh masa sesebuah kapal moden berlabuh semakin singkat, berbanding kapal jenis pukal dahulunya sekitar seminggu hingga 10 hari ia berlabuh.

Berikutan itu, demi menggamit kembali nostalgia dikunjungi ramai golongan pelaut, Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia menganjurkan Hari Terbuka Pelaut pada 22 Oktober lalu.

Menurut Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung, Datuk Kapten Ahmad Othman, acara tahunan yang dimulakan sejak 2006 itu bertujuan mengimbau saat-saat seperti era 60-an dan 70-an lalu, di mana Wisma Pelaut begitu meriah dengan kunjungan ramai golongan pelaut.

"Ia juga diharapkan akan mewujudkan satu platform supaya pelaut-pelaut dapat bertemu, berinteraksi serta bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mereka semasa berada di laut," katanya.

Bagi mengimbau kembali detik kemeriahan Wisma Pelaut, penulis kemudiannya dibawa Penolong Pengarah Unit Pembangunan Pelaut, Kanagalingam T Selvarajah, 38, melihat suasana persekitaran Wisma Pelaut yang memiliki tiga blok bangunan.

Tempat tumpuan popular

Lahir kekaguman di hati penulis apabila melihat sendiri dan diceritakan bahawa Wisma Pelaut yang dibina pada 25 Februari 1931 antara tempat yang paling popular, selain bandar Klang dan Kuala Lumpur di mana ia menyediakan pelbagai jenis prasarana lengkap untuk kemudahan golongan pelaut jika berkunjung ke Pelabuhan Klang.

Sebut apa saja, semuanya ada di sini. Daripada kemudahan kolam renang, gimnasium, kafeteria, bilik menduduki ujian, penginapan ala hotel, bilik seminar, kedai runcit, padang bola sepak, ragbi dan sebagainya semuanya terdapat di sini. Bahkan ia menjadi

tempat rujukan untuk pelaut mendapatkan maklumat dan berkaitan kerjaya.

"Sebenarnya segala kemudahan yang terdapat sini, tidak terhad kepada golongan pelaut Malaysia sahaja. Tetapi ia terbuka kepada semua golongan pelaut dari seluruh dunia. Mereka boleh datang ke sini dan mendapat layanan serupa dengan pelaut kita," kata Kanagalingam.

Penulis sempat melihat pelbagai gambar lama, keratan akhbar dan paparan artifak, terutama plak potret kapal laut yang dipahat pada tembaga, diletakkan di setiap ruang sudut di wisma ini.

"Kesemua ini adalah sumbangan daripada pemilik syarikat kapal yang pernah berkunjung, tinggal dan menikmati kemudahan yang ada di sini. Bagi mereka wisma ini memberi kenangan indah," katanya.

Menurut Setiausaha Kesatuan Pelaut-Pelaut Malaysia, Mohd Rafiq Abdullah, 59, walaupun Wisma Pelaut semakin kurang meriahnya sebagai tempat berkumpul golongan pelaut, ia tetap memainkan peranan penting membantu golongan pelaut yang bermasalah.

"Masalah seperti gaji tak dibayar, buang pekerja tanpa notis, tiada pekerjaan dan sebagainya antara kes yang kerap kami selesaikan di sini. Semuanya kami akan rujuk kepada Jabatan Laut bagaimana mencari jalan penyelesaian," katanya.

Mengimbau Kenangan

Penulis turut berkesempatan bertemu dan mendengar pengalaman Kapten Nasrudin Hussein, 75, yang saban tahun tidak melepaskan peluang untuk datang menghadiri Hari Terbuka Pelaut.

Menurutnya, sepanjang 25 tahun bergelung dengan lautan, banyak pengalaman yang dikutip dan sudah banyak negara di dunia telah dikunjungi.

"Tetapi, pengalaman getir dilambung ombak setinggi 10 meter selama empat jam di tengah Lautan Pasifik pada 1962 cukup pahit dan tidak dapat dilupakan.

"Ketika itu, teknologi tidak sehebat hari ini, di mana kapal sekarang boleh mengubah haluan jika berlaku ribut. Masa itu teringat kapal kami akan karam dan saya akan mati. Alhamdulillah, jurumudi berjaya mengawal kapal dengan baik dan kami akhirnya selamat sampai ke San Francisco," katanya yang ketika itu belayar dari Yokohama, Jepun.

Nasrudin yang kini menetap di Butterworth, Pulau Pinang berkata, dia nyaris menjadi pemastautin negara Amerika Syarikat.

"Jika tidak kerana nasib tukang masak yang dikenali di Kelab Melayu New York, saya mungkin akan menetap di sana.

"Saya ingat lagi kata-kata tukang masak tersebut, di sini kalau mati tiada siapa yang ambil peduli dan dikebumikan cara Islam, kubur pun belum tentu ada. Terus saya batalkan hasrat untuk menetap di sana," katanya yang memperoleh pangkat kapten, hasil usahanya belajar dan mengambil peperiksaan secara berperingkat.

Katanya, gaji lumayan dan kehidupan sosial di sana, selain didorong hati muda antara faktor ramai golongan pelaut mahu menetap di luar negara, termasuk menetap di Liverpool, London.

Turut berkongsi peng-



● Pameran kerjaya seringkali diadakan bagi menarik minat lebih orang ramai menyertai kerjaya sebagai pelaut.

Algia dari Wisma Pelau



● Sejarah...Bangunan Wisma Pelaut di Pelabuhan Klang suatu ketika dulu menjadi tumpuan ramai warga pelaut.

alaman, Ismail Ujang, 63, yang telah melalui pelbagai pengalaman manis dan pahit sebagai seorang pelaut.

Dia yang turut menerima sumbangan kewangan bagi menampung kos pembiayaan mata akibat kompilasi kencing manis berkata, kerjaya sebagai pelaut sememangnya amat mencabar dan sentiasa terdedah dengan pelbagai risiko seperti dilambung ombak besar, terdedah kepada ancaman lanun dan sebagainya.

Tetapi disebabkan kerjaya kelas antara yang meraih pendapatan lumayan selain boleh melihat luar negara, menjadi faktor

mengapa dia mencuba nasib dalam bidang ini.

"Jika dahulu, kerja-kerja seperti pemunggahan barang dilakukan dengan tenaga manusia dan memakan masa yang lama untuk selesai, sekarang ini kerja pemunggahan barang menggunakan kren dan cepat.

"Berbeza dengan golongan pelaut zaman sekarang kerana mereka bekerja dalam suasana kapal yang lebih moden, dilengkapi pelbagai prasarana terkini," katanya yang menghabiskan masa hampir 30 tahun belayar mengelilingi dunia.



● Meriah...Golongan pelaut termasuk dari luar negara berkumpul merayakan Hari Terbuka Pelaut di Wisma Pelaut, Pelabuhan Klang baru-baru ini.



● Prihatin...Majlis sumbangan kepada bekas pelaut disampaikan oleh Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Datuk Kapten Ahmad Othman.



● Antara buletin dan majalah berkaitan pelaut.